



SEBAHAGIAN penduduk yang menyertai Gotong-Royong Perdana di Taman Tas Jaya, Kuantan, baru-baru ini. - UTUSAN/SHARIFAH HAZIRAH SYED JUFFERI

Bersama jaga kebersihan, elak wabak denggi

UTUSAN MALAYSIA 20/3/2017

KUANTAN 19 Mac - Penduduk di sesuatu penempatan disaran mengambil inisiatif untuk bersama-sama menjaga kebersihan kawasan dan kejiwaan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Kema-juan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Taman Tas Jaya, Dusti Yusoff berkata, penularan wabak penyakit seperti denggi dapat diatasi sekiranya penduduk mempunyai kesedaran mengekalkan kebersihan sekitar di kawasan kediaman masing-masing.

Atas kesedaran berkenaan, kata Dusti, pihaknya dengan kerjasama Alam Flora, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menganjurkan program Gotong-Royong Perdana bagi memastikan persekitaran taman tersebut bebas daripada pembiakan denggi.

“Penyakit berbahaya seperti denggi menjadi ancaman besar jika kita tidak mempunyai kese-

edaran menjaga kebersihan dan mengambil mudah perkara ini,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Sempena program itu, kira-kira 120 ahli JKKK dan penduduk kampung tersebut hadir bagi membersihkan kawasan taman terbabit.

Selain itu, program mewarna dan sukaneka turut diadakan.

Dalam pada itu, Dusti meminta penduduk tidak bergantung kepada pihak lain untuk menjaga kesihatan kerana langkah pencegahan berkesan adalah bermula daripada mereka sendiri.

“Kita mahu memastikan kampung ini dan sekitarnya bebas daripada segala unsur yang boleh membawa kemudaratan,” katanya.

RENTAK KEHIDUPAN

